

# Qalam

Bilangan 57 – Sha‘bān 1374 – April 1955 – 60 Sen

## Kedatangan Anwar Sadat

Telah lazim di dalam kedudukan negeri-negeri di dunia sekarang apabila ada sesuatu yang dibuatnya dan menyakiti perasaan lain-lain orang di lain negara, maka dengan segera negara-negara tersebut menghantar orang-orangnya keluar negerinya untuk mengambil hati atau untuk memujuk orang-orang lain negeri itu supaya melupakan apa-apa perkara yang telah dilakukannya- untuk menutup perkara-perkara yang telah dibuatnya dengan buas dan ganas terhadap sesuatu golongan di dalam negerinya.

Harus dengan tujuan yang seumpama inilah kerajaan Mesir itu pun dengan terang kerajaan Jamāl ‘Abdul Nāṣr telah menghantarkan menteri dalam negerinya Anwar Sadat ke Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu ini di dalam perjalanannya melawat negeri-negeri Islam dengan suatu tujuan untuk menutup perasaan tidak puas hati umat Islam terhadap kezaliman dan aniaya yang dilakukan oleh kerajaan kepada golongan Islam, Ikhwān al-Muslimīn, yang telah dianiaya dan dikorbankan dengan berbagai-bagai aniaya dan cara oleh kerajaan yang sangat menyedihkan perasaan alam Islami seluruhnya.

Perbuatan-perbuatan yang ganas, membunuh pemimpin-pemimpin Ikhwān al-Muslimīn dan merampas kebebasan bergerak pertubuhan itu di dalam negeri Mesir sebenarnya suatu langkah meruntuhkan segala cita-cita yang murni bagi umat Islam supaya hukum

Allah berlaku di dalam negeri Mesir dan supaya Mesir menjadi sebuah negara Islam yang menjalankan hukum-hukum Islam di dalamnya- kerana keadaan seperti sekarang Mesir hanya sebuah negara yang disebut Islam tetapi hukum Allah tidak berjalan di sana.

Kedatangan Anwar Sadat dari “Negara Islam” itu telah disambut oleh kaum muslimin di sini dengan suatu keraian. Sambutan itu diadakan lain tidak nampaknya kerana orang-orang Islam di sini telah berasa terhutang budi atas “pemberian-pemberian” kerajaan Mesir kepada dua orang gurunya untuk mengajar di Kolej Islam disertakan pula kononnya kerajaan Mesir akan memberi tetap sebanyak lima belas ribu ringgit tiap-tiap tahun kepada kolej itu dan akan memberi seribu ringgit kepada Persekutuan Pemuda Islam dan seribu ringgit kepada Jam‘iyyat al-Da‘wah al-Islāmiyyah tiap-tiap tahun.

Sesungguhnya tiap-tiap kita harus berucap terima kasih atas bantuan-bantuan kebendaan itu tetapi oleh kerana hakikat bantuan itu ada tujuannya yang lain iaitu harus ditujukan supaya umat Islam di sini lupa akan yang telah dilakukan kepada saudara-saudaranya yang telah jadi syahid di Mesir kerana menagakkan negara Islam disitu- dibunuh oleh kerajaan Mesir yang Anwar Sadat ada di dalamnya, maka adakah kita akan melupakan segala penderitaan saudara-saudara kita itu di Mesir yang telah dilakukan oleh kerajaan Mesir sekarang ke atas mereka kerana “pemberian” yang diberinya itu?

Adakah kita akan melupakan perbuatan-perbuatan Jamāl ‘Abdul Nāṣr dengan golongan-golongannya yang telah bekerjasama dengan Ikhwan al-Muslimin menegakkan kerajaan Mesir itu, kemudian apabila Kerajaan telah kuat lalu menikam orang-orang Ikhwān al-Muslimīn dari belakang sehingga Ḥassan al-Ḥudaybī dihukum seumur hidup dan beberapa pengikutnya telah dihukum bunuh?

Ikhwān al-Muslimīn janganlah hendak mudah melupakan segala yang pahit yang telah dihadapkan kepada saudara-saudara kita dengan diberikan sedikit gula-gula kepada mulut kita, kita jangan terpedaya dengan adanya al-Azhar di Mesir itu dan kerana itu memandangi tiap-tiap kerajaan, sekalipun musuh kepada Islam, sebagai sebuah kerajaan Islam pada hal kita sama-sama mengetahui bahawa al-Azhar yang masyhur itu adalah kerap kali dijadikan alat siyasah oleh kerajaan dengan meminta fatwa-fatwa agama untuk mengabui mata alam Islami dengan fatwa-fatwa yang dibawa dan ditunjukkan kerana mempertahankan muslihat mereka.

Lihatlah tentang kenyataan Anwar Sadat kepada akhbar yang mengatakan bahawa ia berpendapatan orang-orang Islam hanya boleh berkahwin satu sahaja! Fatwanya dikatakannya, beralasan al-Quran al-Karim sehingga menjadikan kita seolah-olah berasa bahawa ia memandangi umat Islam di luar Mesir itu tidak mengetahui hukum yang sebenarnya di dalam Islam kerana walau bagaimanapun Islam tetap meluluskan berkahwin sehingga empat asalkan menepati syarat-syaratnya dengan keterangan yang tepat daripada al-Quran al-Karim –tidak dikhilafkan lagi.

Dengan kenyataan-kenyataan yang terang terbentang itu maka sayogialah kita beringat beringat-ingat supaya jangan mudah sangat dipengaruhi oleh kebendaan dan lalu melupakan perkara yang hina yang telah lakukan mereka terhadap saudara-saudara kita umat Islam di Mesir yang berjihad untuk menegakkan hukum Allah di negerinya-kehinaan mana bermakna juga kehinaan kita bersama kerana sakit seorang muslim maka sakit juga yang lainnya.

\*

Perhatilah keadaan-keadaan di sekeliling kita

Pertentangan siyasah di antara pertubuhan-pertubuhan di Malaya sekarang semakin hari semakin mendalam dan dengan kerananya

maka beberapa perkara kononnya telah berlaku yang terbit daripada pertentangan siyasah itu dan telah disampaikan kepada pengetahuan kita bahawa di dalam pertentangan kita sesama kita Islam yang termasuk di dalam perkara-perkara yang ditegah oleh Allah dan Rasul-Nya.

Dikatakan bahawa pada setengah-setengah tempat apabila salah seorang keluarga daripada satu puak siyasah meninggal dunia maka yang satu pihak daripada jirannya di sebelah rumah tidak mahu melawat untuk bersama-sama menyelenggarakan mayat jenazah jirannya yang disebelah itu bahkan ada pula perpecahan yang berlaku di antara keluarga dengan keluarga sendiri dengan sebab di antara satu dengan lain menjadi ahli-ahli pertubuhan siyasah kebangsaan yang berlainan faham.

Dengan kejadian-kejadian yang mendukacitakan itu maka zahirlah kepada kita bahawa corak kebangsaan yang demikian itu adalah nampaknya corak kebangsaan yang disebut oleh Kiyai Isa Anshari di Indonesia bahawa kebangsaan yang serupa itu adalah corak kebangsaan jahiliah moden yang sangat besar merbahayanya kepada masyarakat kita Islam.

Hal yang serupa ini patutlah diperhatikan dengan saksama oleh Persatuan Islam se-Malaya yang hingga sekarang ini masih lagi, boleh dikata, mendiamkan diri daripada menunaikan tugasannya dengan tepat dan terang salam memperjuangkan cita-cita keselamatannya- tidak lagi keadaannya dijadikan sebagai alat oleh lain-lain pertubuhan kerana tidak ada parti disiplin di dalamnya, orang-orang Islam adalah diwajibkan oleh Allah untuk mendirikan kemuliaan agamanya, berjuang dengan yang tertentu dengan dasar-dasarnya yang tidak boleh difikir-fikir lagi. Insafilah hendaknya kepada keadaan-keadaan yang berlaku dihadapan mata kita sekarang ini supaya jangan nanti kita akan ditempelak tidak menunaikan kewajipan kita bersama adanya.